


Jangan lupa daftarkan bayi anda!

Boleh dilakukan
dalam talian
secara
PERCUMA!




Daftarkan bayi
anda di

[www.cbs.sa.gov.au/
births-deaths-
marriages](http://www.cbs.sa.gov.au/births-deaths-marriages)




**Hal ini sangat penting!
Hospital tidak
melakukannya untuk anda.**

Anda mesti mendaftarkan bayi anda dalam masa 60 hari selepas kelahirannya. Jika anda tidak mendaftarkan bayi anda, anda mungkin tidak dapat memohon beberapa manfaat Centrelink yang tertentu. Selain itu, jika kelahiran anak anda tidak didaftarkan, anda tidak boleh mendapatkan sijil kelahirannya.



Government of South Australia
Attorney-General's Department

Begini caranya mendaftarkan bayi anda dalam talian



1

Pastikan kedua-dua ibu bapa mempunyai telefon bimbit yang boleh menerima mesej SMS.

Jika kedua-dua ibu bapa tidak mempunyai telefon bimbit, anda masih boleh mendaftarkan bayi anda dalam talian. Pada penghujung proses pendaftaran, anda akan dihantar fail PDF secara e-mel, yang mesti dicetak dan ditandatangani oleh kedua-dua ibu bapa.



2

Sediakan dokumen pengenalan kedua-dua ibu bapa

Sebelum memasuki talian, anda perlu mengimbas imej atau mengambil gambar pasport Australia, lesen memandu Australia atau kad Centrelink dan Medicare kedua-dua ibu bapa.

Jika anda tidak mempunyai dokumen pengenalan yang diperlukan ini, anda masih boleh mendaftarkan bayi anda dalam talian. Anda kemudiannya akan dihantar fail PDF secara e-mel, yang mesti dicetak dan ditandatangani oleh kedua-dua ibu bapa.

3

Pastikan nama bayi yang dipilih itu telah anda berdua setuju

Nama bayi yang dipilih itu penting anda berdua setuju. Jika anda berubah fikiran selepas anda mendaftarkan bayi anda, hal ini boleh melambatkan proses.

4

Pastikan anda mempunyai maklumat mengenai bayi itu dan ibu bapanya

Anda boleh mendapatkan beberapa maklumat ini, misalnya berat badan bayi semasa lahir dan butir-butir doktor atau bidan, di dalam Buku Biru yang diberikan kepada anda oleh hospital.

5

Pergi ke www.cbs.sa.gov.au/births-deaths-marriages untuk mendaftarkan kelahirannya

Anda tidak perlu mengisi borang dalam talian itu sekali gus. Setelah anda mula mengisi borang dalam talian itu, anda akan diberi nombor rujukan. Anda boleh menggunakan nombor rujukan ini untuk menyambung tugas mengisi itu dari tempat anda berhenti, sehingga 48 jam.

Jika anda tidak mempunyai hubungan internet, telefon 131 882 dan kami akan menghantarkan borang kertas kepada anda.



6

Tempah sijil kelahiran

Anda boleh menempah sijil kelahiran pada waktu anda mendaftarkan bayi anda dalam talian. Anda tidak perlu menempah sijil kelahiran pada ketika itu juga dan anda boleh melakukannya kemudian jika anda mahu. Untuk menempah sijil kelahiran, anda memerlukan kad Visa atau Mastercard.

7

Jawab mesej SMS

Kedua-dua ibu bapa akan dihantar mesej SMS. Kedua-dua ibu bapa mesti membalas SMS itu untuk mengesahkan bahawa mereka ibu bapa kanak-kanak itu sebelum bayi tersebut didaftarkan dan sebelum anda boleh mendapatkan sijil kelahiran.



Government of South Australia

Attorney-General's Department

